




TEAM MAS



**GARIS PANDUAN DAN KADAR
PELESENAN HARTA INTELEK (LOGO)
TEAM MAS**

1. CARTA ALIR - PELESENAN LOGO TEAM MAS



2. DOKUMEN SENARAI SEMAK PERMOHONAN UNTUK MENGGUNAKAN LOGO TEAM MAS

Bil.	Perkara	Tandakan (x)	
		Lengkap	Tidak Lengkap
1.	Surat Permohonan daripada pihak syarikat untuk mendapatkan Pelesenan Logo Team MAS beserta senarai produk.		
2.	Maklumat atau risalah bagi setiap produk yang akan menempatkan Logo Team MAS sebagai sokongan untuk tujuan pemasaran produk.		
3.	Penyata Jualan Tahun semasa dan Unjuran Jualan 3 Tahun mendatang bagi setiap produk yang dipohon (<i>forecast</i>).		
4.	Sijil-sijil berkaitan yang mengesahkan keselamatan produk berkenaan (terutamanya produk makanan dan aplikasi kesihatan).		
5.	Dokumen-dokumen SSM: Borang 9,49,24 dan 44 (jika berkaitan).		

3. SYARAT-SYARAT UNTUK PENEMPATAN LOGO TEAM MAS DI DALAM PRODUK SYARIKAT

1. Syarikat harus memastikan penempatan logo adalah hanya kepada produk yang dipohon dan diluluskan sahaja, mengikut kitaran permohonan (1-2 Tahun).
2. Syarikat harus memastikan tiada perubahan kepada struktur dan juga kandungan produk tanpa kelulusan pihak Sekretariat Team MAS (bagi produk pemakanan dan aplikasi kesihatan).
3. Syarikat bertanggungjawab terhadap penempatan iklan dan promosi bagi tujuan pemasaran produk agar tidak mencalarkan imej Kementerian Belia dan Sukan sebagai wakil kerajaan.
4. Penempatan logo Team MAS pada produk dan bahan-bahan promosi dan pemasaran perlu patuh kepada garis panduan penggunaan Team MAS.
5. Sekiranya pihak Sekretariat Team MAS mendapati produk yang mempunyai logo Team MAS masih lagi berada di pasaran selepas tamat tempoh yang diluluskan; pihak Sekretariat Team MAS akan mengenakan caj penalti; iaitu minimum RM10,000 atau 20% daripada nilai jualan produk mengikut Penyata Jualan yang telah disahkan oleh pihak Audit bagi setiap produk (yang mana lebih tinggi).

4. JADUAL KADAR PELESENAN BAGI PENEMPATAN LOGO TEAM MAS

4.1 JADUAL KADAR PELESENAN KATEGORI PRODUK

Bilangan Produk/Perkhidmatan	Kadar Asas Bulanan (RM)	Jumlah Pelesenan (RM)
1 Produk	500	500
2-5 Produk	450 per produk	900 - 2,250
6-10 Produk	400 per produk	2,400 - 4,000
11-20 Produk	300 per produk	3,300 - 6,000
Lebih 20 Produk	250 per produk	> 5,000

(JKPTM Bil. 1/2025)

- Kadar Asas untuk 1 Produk:**
Kadar asas adalah RM 500 sebulan untuk sebuah produk atau perkhidmatan.
- Pakej 2-5 Produk:**
Jika syarikat mempunyai 2 hingga 5 produk atau perkhidmatan, kadar dikurangkan kepada RM 450 per produk setiap bulan.
- Pakej 6-10 Produk:**
Bagi 6 hingga 10 produk, kadar dikurangkan lagi kepada RM 400 per produk setiap bulan.
- Pakej 11-20 Produk:**
Bagi 11 hingga 20 produk akan dikenakan kadar RM 300 per produk setiap bulan.
- Lebih 20 Produk:**
Bagi lebih daripada 20 produk, kadar adalah RM 250 per produk setiap bulan.
- Tempoh Penempatan Logo Team MAS:**
Setiap kelulusan adalah bagi tempoh minimum 1 tahun dan maksimum 2 tahun bagi setiap kitaran permohonan. Permohonan baru hendaklah dikemukakan 3 bulan sebelum kitaran permohonan yang diluluskan itu akan tamat.

4.2 JADUAL KADAR PELESENAN KATEGORI PUSAT

Pusat latihan atau perkhidmatan kesihatan/medikal yang mengenakan bayaran kepada pelanggan, termasuk francais dan pusat korporat.

Bilangan Cawangan Berlesen	Kadar Asas Bulanan (RM)	Jumlah Pelesenan (RM)
1 Pusat	1,000	12,000
2-3 Pusat	900 per pusat	21,600 - 32,400
4-6 Pusat	800 per pusat	38,400 - 57,600
7-10 Pusat	700 per pusat	58,800 - 84,000
Lebih 10 Pusat	600 per pusat	> 79,200

(JKPTM Bil. 1/2025)

- Kadar Asas untuk 1 Pusat:**
Kadar asas adalah RM 1,000 sebulan untuk sebuah pusat.
- Pakej 2-3 Pusat:**
Jika syarikat mempunyai 2 hingga 3 pusat kadar dikurangkan kepada RM 900 per pusat setiap bulan.
- Pakej 4-6 Pusat:**
Bagi 4 hingga 6 pusat, kadar dikurangkan lagi kepada RM 800 per pusat setiap bulan.
- Pakej 7-10 Pusat:**
Bagi 7 hingga 10 pusat akan dikenakan kadar RM 700 per pusat setiap bulan.
- Lebih 10 Pusat:**
Bagi lebih daripada 10 pusat, kadar adalah RM 600 per pusat setiap bulan.
- Tempoh Penempatan Logo Team MAS:**
Setiap kelulusan adalah bagi tempoh minimum 1 tahun dan maksimum 2 tahun bagi setiap kitaran permohonan. Permohonan baru hendaklah dikemukakan 3 bulan sebelum kitaran permohonan yang diluluskan itu akan tamat.
- Maklumat Tambahan**
Kadar yang dikenakan adalah termasuk hak penggunaan logo Team MAS bagi tujuan promosi, papan tanda, baju kakitangan dan bahan pemasaran. Penilaian berkala oleh pihak Sekretariat Team MAS akan dilaksanakan bagu tujuan memastikan penggunaan logo adalah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

5. SURAT KELULUSAN PENGGUNAAN LOGO TEAM MAS

1. Invois:

Permohonan dengan Dokumen yang lengkap akan disusuli dengan invois bagi tujuan pembayaran.

2. Surat Kelulusan:

Setelah menerima pengesahan pembayaran, pihak Sekretariat Team MAS akan mengeluarkan surat kelulusan rasmi bagi sesebuah produk atau perkhidmatan yang telah diluluskan. Perkara- perkara berikut akan dinyatakan di dalam surat berkenaan:

2.1 Tempoh kelulusan penempatan Logo Team MAS;

2.2 Senarai produk atau perkhidmatan yang diberi kelulusan untuk penempatan Logo Team MAS